

**PAN MALAYSIAN SWEEPS SDN BHD 198801004329 (171686-H)**  
**PRIVACY NOTICE**

**1. Collection of Personal Data**

This Privacy Notice is pursuant to the Personal Data Protection Act 2010.

We treat and view your personal data seriously.

In the course of your dealings with us, Pan Malaysian Sweeps Sdn Bhd and its related corporations (as defined under the Companies Act 1965) ("PMS Group"), we may collect process use store and/or disclose data and information about yourself ("Personal Data").

**2. Nature of Personal Data**

Such Personal Data may be subject to applicable data protection, privacy and other similar laws and may include information concerning name, identity card number, passport number, address, contact information, email address, photographs as well as information collected when you visit our website such as IP address, web browser software, internet host, browsing history and other information about your visit.

**3. Impact from failure to supply Personal Data**

The failure to supply such Personal Data will result in us being unable to process your request/entry/participation and/or you being unable to visit our website as the case may be.

**4. Consent**

By accessing our website and/or providing the Personal Data to us, you consent to the use of your Personal Data by PMS Group as described in this Privacy Notice.

**5. Purpose of Collecting Personal Data**

The Personal Data is collected, used and otherwise processed by us for one or more of the following purposes:

- a. processing your request(s);
- b. processing your entry/participation in the contest(s), campaign(s), competition(s), game(s) and/or promotion(s) conducted PMS Group;
- c. delivering notices, services, products, prizes (where applicable), updates and/or promotional materials to you;
- d. maintaining and improving customer relationship;
- e. communicating with you;
- f. market / demographic research and marketing contest held by PMS Group;
- g. conducting marketing survey and client profiling activities;
- h. maintaining and updating internal record keeping;
- i. publishing in any mass media or marketing materials for advertising or publicity purposes;
- j. detecting and preventing crime (including but not limited to fraud, money-laundering, bribery); and/or
- k. meeting any legal or regulatory requirements and making disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, direction, court order, by-law, guideline, circular, code applicable to us or any entity within our group.

**6. Disclosure**

The Personal Data provided to us will generally be kept confidential but you hereby consent and authorize us to provide or disclose your Personal Data to the following categories: -

- a. any person to whom we are compelled or required to do so under law regulation, direction, court order, by-law, guideline, circular, code applicable to us or any entity within our group;
- b. any entity within our group;
- c. our business partners and affiliates that provide related services or products in connection with our business;

- d. advertising and marketing agency(ies);
- e. the public;
- f. statutory authorities, government agencies and industry regulators;
- g. our consultants, accountants, auditors, lawyers or other financial or professional advisers; and
- h. our sub-contractors or third party service or product providers.

## **7. Safeguards**

We shall keep and process your data in a secure manner. We endeavour, where practicable, to implement the appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with the applicable laws and regulations to prevent the unauthorized or unlawful processing of the Personal Data and the accidental loss or destruction of, or damage to, the Personal Data.

## **8. Rights of Access and Correction**

8.1 You have the right to request for access to and correction of your information held by us and in this respect, you may: -

- a) check whether we hold or use your Personal Data and request access to such data;
- b) request that we correct any of your Personal Data that is inaccurate, incomplete or out-of-date;
- c) request that your Personal Data be retained by us only as long as necessary for the fulfilment of the purposes for which it was collected;
- d) request that we specify or explain our policies and procedures in relation to data and types of Personal Data handled by us;
- e) communicate to us your objection to the use of your Personal Data for marketing purposes whereupon we will not use your Personal Data for these purposes; and
- f) withdraw, in full or in part, your consent given previously, in each case subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable time period.

8.2 The department to whom written requests for access to the Personal Data or correction and/or deletion of the Personal Data or for information regarding policies and procedures and types of Personal Data handled by us is:

Department Name:	Finance Management
Contact No.	603 – 9287 0088
Email Address:	admin@bigssweep.com.my
Address:	21-25, 3 <sup>rd</sup> Floor, Wisma Low Siew Eng, Jalan 1/91C, Batu 3 ¼, Off Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur, Malaysia.

## **9. Language**

In the event of any inconsistency with or conflict between the English language version and the Bahasa Malaysia version of this Privacy Notice, the English language version shall prevail.

## **10. Updates to Privacy Notice**

We may amend this Privacy Notice from time to time and unless otherwise provided, the updated version shall apply and supercede any and all previous version immediately upon posting. Please regularly check this Privacy Notice for information on our most up-to-date version.

**PAN MALAYSIAN SWEEPS SDN BHD 198801004329 (171686-H)**  
**NOTIS PRIVASI**

**1. Pengumpulan Data Peribadi**

Notis Privasi ini adalah menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami menyifatkan dan menganggap data anda secara serius.

Semasa anda berurusan dengan kami, Pan Malaysian Sweeps Sdn Bhd dan syarikatnya yang berkaitan (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 1965) ("Kumpulan PMS"), kami boleh mengumpulkan, memproses, menggunakan, menyimpan dan/atau mendedahkan data dan maklumat tentang diri anda ("Data Peribadi").

**2. Jenis Data Peribadi**

Data Peribadi tersebut boleh tertakluk pada undang-undang perlindungan data, privasi dan undang-undang lain yang serupa yang terpakai, dan boleh merangkumi maklumat berhubung dengan nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, maklumat hubungan, alamat e-mel, gambar foto dan maklumat yang dikumpulkan semasa anda melayari laman web kami seperti alamat IP, perisian penyemak imbas web, hos Internet, sejarah semak imbas dan maklumat lain semasa anda melayari laman web kami.

**3. Kesan akibat kegagalan memberikan Data Peribadi**

Kegagalan memberikan Data Peribadi tersebut akan menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan/entri/penyertaan anda dan/atau anda tidak dapat melayari laman web kami, mengikut mana mana yang berkenaan.

**4. Kebenaran**

Dengan mengakses laman web kami dan/atau memberikan Data Peribadi kepada kami, anda membenarkan Data Peribadi anda digunakan oleh Kumpulan PMS seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini.

**5. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi**

Data Peribadi dikumpulkan, digunakan dan diproses oleh kami untuk salah satu tujuan yang berikut atau lebih:

- a. memproses permohonan anda;
- b. memproses entri/penyertaan anda dalam peraduan, kempen, pertandingan, permainan dan/atau promosi yang dikendalikan oleh Kumpulan PMS;
- c. menyampaikan notis, perkhidmatan, produk, hadiah (apabila berkenaan), maklumat terkini dan/atau bahan promosi kepada anda;
- d. memelihara dan meningkatkan hubungan dengan pelanggan;
- e. berkomunikasi dengan anda;
- f. kaji selidik pasaran / demografi dan peraduan pemasaran yang dikendalikan oleh Kumpulan PMS;
- g. menjalankan aktiviti kajian pemasaran dan profil pelanggan;
- h. menyenggara dan mengemas kini penyimpanan rekod dalaman;
- i. menyiarkannya dalam mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk tujuan pengiklanan atau publisiti;
- j. mengesan dan mencegah jenayah (termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, pemberian rasuah); dan/atau
- k. memenuhi mana-mana keperluan undang-undang atau kawal selia dan membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, surat pekeliling dan kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana entiti dalam kumpulan kami.

**6. Pendedahan**

Data Peribadi yang diberikan kepada kami secara umumnya akan dirahsiakan tetapi anda dengan ini memberikan kebenaran dan kuasa kepada kami untuk memberikan atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak yang berikut:-

- a. mana-mana orang yang kepadanya kami bertanggungjawab atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, surat

- pekeliling dan kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana entiti dalam kumpulan kami;
- b. mana-mana entiti dalam kumpulan kami;
- c. rakan perniagaan dan ahli gabungan kami yang menyediakan perkhidmatan atau produk yang berkaitan dengan perniagaan kami;
- d. agensi pengiklanan dan pemasaran;
- e. orang awam;
- f. pihak berkuasa berkanun, agensi kerajaan dan pengawal selia industri;
- g. perunding, akauntan, juruaudit, peguam atau penasihat kewangan atau profesional kami yang lain;
- h. subkontraktor atau penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga kami.

## **7. Perlindungan**

Kami akan menyimpan dan memproses data anda melalui cara yang selamat. Kami berusaha, apabila sesuai, melaksanakan perlindungan dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang sesuai menurut undang-undang dan peraturan yang terpakai bagi mengelakkan pemprosesan Data Peribadi yang tidak dibenarkan atau yang menyalahi undang-undang serta kehilangan atau pemusnahan yang tidak sengaja, atau kerosakan terhadap Data Peribadi.

## **8. Hak Akses dan Pembetulan**

8.1 Anda berhak memohon untuk mengakses dan membetulkan maklumat anda yang kami simpan dan dalam hal ini, anda boleh:

- a) menyemak sama ada kami menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan memohon akses kepada data tersebut;
- b) memohon supaya kami membetulkan mana-mana Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak terkini;
- c) memohon supaya kami menyimpan Data Peribadi anda setakat yang diperlukan sahaja bagi memenuhi tujuan ia dikumpulkan;
- d) memohon supaya kami menyatakan atau menerangkan dasar dan prosedur kami berhubung dengan data dan jenis Data Peribadi yang kami kendalikan;
- e) memberitahu kami bantahan anda terhadap penggunaan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran, dan kami tidak akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan ini; dan
- f) menarik balik, sepenuh atau sebahagiannya, kebenaran anda yang diberikan sebelum ini, dalam setiap kes tertakluk pada mana-mana sekatan undang-undang yang terpakai, syarat kontraktual dan tempoh yang munasabah.

8.2 Jabatan yang kepadanya permohonan bertulis dikemukakan untuk mengakses Data Peribadi atau membetulkan dan/atau menghapuskan Data Peribadi atau untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan dasar dan prosedur serta jenis Data Peribadi yang kami kendalikan ialah:

Nama Jabatan:	Pengurusan Kewangan
No. Telefon:	603 – 9287 0088
Alamat e-mel:	admin@bigssweep.com.my
Alamat:	21-25, 3 <sup>rd</sup> Floor, Wisma Low Siew Eng, Jalan 1/91C, Batu 3 ¼, Off Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur, Malaysia.

## **9. Bahasa**

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia notis ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

## **10. Kemas Kini Notis Privasi**

Kami boleh meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa dan melainkannya dinyatakan sebaliknya, versi kemas kini ini hendaklah terpakai dan menggantikan mana-mana dan semua versi terdahulu sebaik sahaja selepas ia disiarkan. Sentiasa semak Notis Privasi ini untuk mendapatkan maklumat tentang versi paling terkini.